

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG
(LAWAS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.05.2015

Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menubuhkan sebuah cawangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi daerah Lawas bagi memudahkan pencarum di kawasan Lawas dan sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah

menyediakan kiosk KWSP dengan RHB Bank di Lawas untuk kemudahan ahli mendapatkan cetakan Penyata KWSP sekiranya diperlukan. Oleh kerana tidak ada perancangan untuk membuka cawangan baru di Lawas. KWSP akan mengkaji untuk memberi perkhidmatan secara *mobile* bagi memudahkan lagi urusan penduduk Lawas dengan KWSP.

Pada masa yang sama, KWSP juga sedang dalam tindakan untuk menggalakkan lagi ahli KWSP mendaftar i-Akaun bagi memudahkan urusan dengan KWSP. Ini akan memberi manfaat kepada ahli dengan kemudahan untuk semakan penyata serta lain-lain transaksi yang akan diperkembangkan lagi seperti e-Pengeluaran.